

30/12/1997

MPK perhebat program penghijauan negara

KUANTAN, Isnin - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) bercadang menanam pelbagai jenis pokok bunga berwarna-warni dan wangi di kawasan tertentu, termasuk sepanjang jalan selaras dengan program penghijauan negara.

Langkah itu juga bertujuan memastikan kawasan berkenaan mempunyai identiti tersendiri.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Saib, berkata negara ini masih kekurangan pokok berwarna-warni dan wangi, walaupun mempunyai 14,000 spesies flora dan 2,600 jenis pokok.

"Oleh itu, kita berusaha untuk menanam pokok bunga jenis itu, bagi menceriakan lagi bandar kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Program Penghijauan Negara peringkat Pahang dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kelab Pencinta Alam-Kumpulan Penanam Pokok (MNS-TPG) dan wakil sebelas Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), di sini, semalam.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob menyaksikan majlis menandatangani MoU itu, sebelum menanam pokok Tembesu Padang di Taman Pasif bagi melancarkan Program Penghijauan Negara peringkat negeri.

Berdasarkan MoU itu, MNS-TPG dan sebelas NGO itu memberi kerjasama kepada MPK bagi menjayakan program itu.

Sebagai permulaan, 300 pokok membabitkan jenis Gelam, Kenanga, Bungor, Medang Teja, Beringin dan Tembesu Padang akan ditanam di Taman Pasif.

Menurut Mohamad, MPK menyambut baik langkah kerajaan untuk menghijaukan negara dan sehingga akhir tahun lalu, sebanyak 47,883 pokok sudah ditanam, di kawasan majlis.

Sehingga September lalu, sebanyak 21,626 pokok, membabitkan palma, jati dan pelbagai pokok renek ditanam melalui program bersepadu membabitkan MPK, Persatuan Pemaju Perumahan dan wakil rakyat.

"Kita juga akan menanam sebanyak 18,000 pokok tahun depan dan 23,200 pokok lagi pada tahun 1999.

"Kita yakin dapat mencapai status negeri taman menjelang tahun 2005, seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Menurut Mohamad, berdasarkan kuota tahunan menanam pokok yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat, pihaknya sudah melebihi kuota itu.

(END)